

02/06/2000

70,000 pelancong Scandinavia dijangka kunjungi Langkawi

Ahmad Zaini Kkamaruzaman; Fazli Arman

LANGKAWI akan menerima kunjungan kira-kira 70,000 pelancong dari Scandinavia menjelang akhir tahun ini hasil usaha sama Asia Pacific Holidays, dari Sweden dan Mofaz Air Sdn Bhd yang memperkenalkan pakej percutian ke pulau itu.

Melalui kerjasama itu, Asia Pacific Holidays akan mempromosikan Langkawi di Sweden, Denmark dan Finland manakala Mofaz Air menyediakan pengangkutan udara menggunakan pesawat yang disewa.

Presiden Asia Pacific Holidays, Jimmy Nilsson, berkata bagi memenuhi rancangan itu, empat penerbangan terus ke Langkawi dijadualkan setiap minggu bermula November ini.

"Penduduk Scandinavia berminat untuk bercuti di Langkawi, terutama pada musim sejuk di sana. Mereka tahu mengenai keindahan pulau ini melalui pelbagai penerbitan, termasuk broser pelancongan dan Internet.

"Pada peringkat permulaan, kita memberi tumpuan terhadap Langkawi dan kemudian akan membawa pelancong ke destinasi lain di Malaysia, termasuk Pulau Pinang dan Kota Kinabalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Mofaz Air di Kampung Tok Senik Resort, di Langkawi, semalam.

Asia Pacific Holidays diwakili Nilsson manakala Mofaz Air, iaitu anak syarikat Mofaz Group diwakili presidennya, Mohamed Fauzy Abdul Hamid.

Majlis berkenaan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Hadir sama, Duta Sweden ke Malaysia, Harald Falth.

Apabila pakej percutian itu bermula, pelancong dari Scandinavia dijangka akan menjadi rakyat asing yang terbesar bercuti di Langkawi.

Pada masa ini, pelancong asing dari Australia menduduki senarai paling atas yang berjumlah kira-kira 40,000 setahun, diikuti Britain seramai 20,000. Tahun lalu, kira-kira 1.7 juta pelancong melawat Langkawi.

Nilsson berkata, penerbangan terus dari Sweden ke Langkawi dengan menggunakan pesawat Airbus mengambil masa kira-kira 11 jam.

Selain Langkawi, beliau berkata, syarikatnya juga membawa pelancong dari Scandinavia ke beberapa negara lain di Asia.

(END)